



Ahli Parlimen,
Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 3 TAHUN 2017:
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN
AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini adalah bertujuan untuk meminda dan memaklumkan kepada Ahli Parlimen dan Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal mengenai **perubahan tajuk perenggan dan pindaan amaun Wang Pendahuluan bagi Sumbangan Kecemasan di perenggan 6.1(v) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2017.**

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 3 Tahun 2017 (PPNS Bil.3/2017) berhubung Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Parlimen Negeri Selangor yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 telah menggariskan penggunaan peruntukan tahunan bagi Ahli Parlimen Negeri Selangor.
- 2.2 Pindaan ini dibuat selaras dengan keperluan semasa di Pejabat Ahli Parlimen Negeri Selangor berdasarkan pemodenan teknologi iaitu kaedah pembayaran secara atas talian yang lebih mudah dilaksanakan dalam pengurusan Pejabat Ahli Parlimen Negeri Selangor.

3. WANG PENDAHULUAN DAN SUMBANGAN KECEMASAN.

- 3.1 Setiap Ahli Parlimen diperuntukan sebanyak **RM10,000.00** **pada setiap masa** bagi Wang Pendahuluan daripada peruntukan Ahli Parlimen.
- 3.2 Keutamaan kegunaan Wang Pendahuluan adalah bagi tujuan sumbangan/bantuan kepada mangsa bencana alam, kebakaran, penghidap penyakit kronik dan kemalangan. Peruntukan ini juga boleh digunakan bagi tujuan seperti di perenggan 6.0 PPNS Bil.3/2017 kecuali bagi perenggan 6.1(ii) Projek-Projek Kecil.

3.3 Rekupmen perlu diwujudkan oleh Pejabat Ahli Parlimen Negeri Selangor dan baki bagi tujuan tersebut hendaklah **tidak melebihi RM10,000.00 pada setiap masa**. Pegawai Pengawal hendaklah memantau rekupmen Wang Pendahuluan tersebut dan perbelanjaan bulanan yang telah dibuat.

4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama PPNS Bil.3/2017 serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NOR AZMIE DIRON) D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: **13** Januari 2021

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)